

# 'Krisis dalam sudah tamat'

2A 11/8/03  
MCA yang sudah pulih daripada masalah dalam yang melandanya kini sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata, sebagai parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN), parti itu mempunyai tanggungjawab dan tugas penting untuk memastikan kemenangan BN.

"Justeru, MCA akan terus mewujudkan kerjasama rapat dengan semua parti komponen termasuk Gerakan untuk mencapai kemenangan lebih besar bagi BN," katanya dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung MCA Ke-50 di Wisma MCA disini semalam.

Ong berkata, MCA juga berikrar memberi sokongan penuh kepada kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Pengerusi BN selepas Oktober ini.

Katanya, di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, BN menjadi satu pakatan politik yang paling kuat dan paling lama berkuasa di dunia.

Beliau berkata, amalan politik kongsi kuasa dan bertolak ansur untuk kepentingannegara menjadi teras kestabilan serta kemajuan negara.

Ong berkata, rakyat Malaysia pelbagai keturunan harus berkongsi sumber bagi membantu negara menghadapi proses globalisasi yang kian mengubah landskap ekonomi dunia.

Katanya, strategi baru dan berkesan amat perlu dalam persaingan ekonomi tanpa sempadan.

"Satu pelan tindakan juga boleh diwujudkan bagi mengkaji bagaimana kita boleh berkongsi sumber dan pengetahuan antara kaum untuk mengatasi cabaran globalisasi dan impak China muncul sebagai gergasi ekonomi dunia," katanya.

Ong berkata, kelebihan rakyat Malaysia keturunan Cina iaitu penguasaan pelbagai bahasa dan memahami sedikit tradisi serta kebudayaan China harus digunakan sepenuhnya bagi meneroka pasaran China dan menarik pelabur tanah besar itu ke negara ini.

Katanya, usaha sama antara masyarakat Cina dan beragama Islam di negara ini adalah satu kekuatan untuk meneroka pasaran berpotensi besar di China kerana negara itu juga mempunyai ramai rakyat berketurunan Islam.

Beliau berkata, keganasan harus diperangi kerana ia kini adalah ancaman serius kepada keamanan dunia dan ekonomi serantau.

"Kini dunia tidak selamat kerana penganas boleh melancarkan serangan daripada mana-mana tempat yang boleh mengorbankan orang yang tidak bersalah dan memusnahkan harta benda," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dunia harus mengenali pasti punca yang menyebabkan keganasan dan jika gagal mengambil tindakan serius, keganasan akan berterusan dan tidak dapat dibendung.

"Keganasan tidak berkait dengan mana-mana agama atau bangsa tetapi ia adalah kerana penindasan, pinggiran, ketidakadilan dan tindakan balas kumpulan yang dianggap lemah dan dipinggirkan," katanya.

Beliau berkata, tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq memberi kesan kepada kedaulatan sebuah negara serta melanggar undang-undang antarabangsa dan ini akan mendorong serangan oleh penganas.